

Orang Melayu yang dangkal dikecam



ENCIK MOHD ADIB
HAJI ADAM

BANGI, Rabu — Menteri Penerangan, Encik Mohd Adib Haji Adam, hari ini mengecam perjuangan sebilangan orang Melayu yang kadang-kadang terlalu bersifat dangkal dan simbolis serta menggesa mereka agar mengikis sikap negatif.

Beliau menganggap masyarakat yang masih mengamalkan bentuk perjuangan itu tidak akan membangun, sama ada dari segi pembangunan pemikiran atau pembangunan negara.

"Perjuangan itu hanya membawa sesebuah ne-

gara ke belakang dan tidak menguntungkan sesiapa serta memecahkan perpaduan negara," kata Encik Mohd Adib di majlis penutup Persidangan Agung Tahunan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang berlangsung lima hari.

"Masyarakat kita perlu bersatu untuk mencapai hasrat bangsa mewujudkan satu bangsa dan negara," tambahnya.

Katanya, perjuangan yang bercorak demikian juga wujud di kalangan pelajar-pelajar Malaysia yang masih menuntut di luar negeri, misalnya, di perkampungan Carbondale di Illinois, Amerika Syarikat.

GPMS, kata beliau, hendaklah berusaha secara lebih berkesan supaya proses perubahan sikap itu dapat dipercepatkan.

Keinsafan

Encik Mohd Adib menegaskan perlunya wujud kesedaran di kalangan pelajar-pelajar Melayu akan kepentingan pelajaran dalam mengubah nasib dan masa depan orang Melayu sendiri.

"Hanya dengan pelajaran seseorang itu dapat menanam sifat keinsafan terhadap matlamat akhir pelajaran, pembelajaran dan pendidikan kerana matlamat akhir

perkara-perkara itu ialah melahirkan pemimpin-pemimpin bukan sahaja di peringkat daerah, malah di peringkat antarabangsa," jelas beliau.

GPMS, katanya lagi, boleh memandu pelajar memahami aspek-aspek ini serta melahirkan pemimpin yang bukan sahaja mampu mengendalikan masalah-masalah dalam negara, juga isu-isu di peringkat antarabangsa.

"Zaman ini memerlukan satu sikap 'siapa yang kuat dialah yang benar dan bangsa yang besar itu adalah bangsa yang berilmu'. Sikap inilah yang perlu ditanam di kalangan pelajar bagi kemajuan bangsa dan ne-

gara," tegasnya.

Katanya lagi, perubahan sikap di kalangan pelajar-pelajar Melayu khususnya, tidak meningkat secara geometrik seperti meningkatnya dasar-dasar negara dan sudah ada tanda-tanda adanya kemunduran dari segi kemajuan pelajar-pelajar dan kepemimpinan Melayu berbanding dengan pelajar-pelajar bukan Melayu.

Identiti

Encik Mohd Adib juga kesal kerana adanya golongan yang masih lagi mempertikaikan kemampuan dasar pelajaran kebangsaan dan dasar kebudayaan nasional walaupun kemajuan-kemajuannya sudah jelas terbukti.

"Sudah sampai masanya kita memerlukan satu ketahanan dari segi identiti untuk membina satu negara, bangsa dan budaya. Ketahanan identiti ini dapat dicapai dengan mewujudkan satu kebudayaan nasional," tambah beliau.

Pembinaan negara dan bangsa hendaklah di atas tiang-tiang yang kukuh dan kekuatan itu adalah orang Melayu itu sendiri, jelas Menteri Penerangan.

Beliau juga meminta GPMS membantu kerajaan mengatasi bukan sahaja masalah-masalah pokok seperti bahasa, tetapi juga masalah-masalah lain kerana jika tidak dikawal ia akan menjadi senjata yang makan tuan akhirnya.